



MUHYIDDIN Yassin (lima dari kiri) ditemani Musa Aman (lima dari kanan) dan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Mohd. Harun Abdullah (tengah) bergambar bersama pelajar-pelajar sambil menunjukkan isyarat 1Malaysia dalam Majlis Mesra Siswa-Siswi Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

## Malaysia mampu capai status negara maju 2018

UM 3.10.2013 3

KOTA KINABALU 1 Okt. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pakar-pakar ekonomi meramalkan Malaysia mampu mencapai status negara maju lebih awal daripada sasaran iaitu pada tahun 2018.

Beliau berkata, sasaran itu berdasarkan kemajuan memberangsangkan dikecapi negara ketika ini dan proses transformasi pelbagai sektor yang dilakukan.

Katanya, selain kadar kemiskinan negara mencatat pengurangan

daripada 49 peratus pada 1957 kepada 1.7 peratus tahun lalu, pendapatan isi rumah purata juga mencatat peningkatan sebanyak 49 peratus daripada sekitar RM700 pada 1957 kepada RM31,904 (2012).

Beliau berkata, pencapaian tujuh bidang yang ditetapkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) juga memperlihatkan kemajuan dan berlaku peningkatan.

"Malah, kadar inflasi negara juga masih berada pada kadar rendah

iaitu 2.5 peratus atau kurang dan kadar pengangguran sekitar tiga peratus. Ini membolehkan Malaysia mampu menjadi negara maju pada 2018," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Ramah Mesra Siswa-siswi Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti

Wakiman dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, nilai urus niaga yang dilakukan oleh negara juga mencatat kadar tertinggi berjumlah RM1.46 triliun baru-baru ini, selain berada di kedudukan ke-12 daripada beratus negara bagi kemudahan urusan perniagaan di peringkat global.

Tambah beliau, kajian yang dilakukan oleh sebuah badan bebas juga mendapati Malaysia berada di

tangga ke-10 bagi indeks kepercayaan pada tahun lalu, berbanding tangga ke-21 (2010).

Selain itu katanya, daya saing negara juga mencatat pencapaian baik apabila berada di tempat ke-14 pada tahun lalu berbanding tangga ke-16 (2011).

"Pencapaian baik itu juga berjaya mengatasi negara-negara maju yang lain seperti Australia dan Jepun. Ini satu pencapaian yang membanggakan kepada kita sebagai rakyat Malaysia," kata beliau.